

Muhyiddin Tiba Di Sabah Untuk Lawatan Dua Hari
Bernama
30 Sept, 2013
Daripada Khairdzir Md Yunus

KOTA KINABALU, 30 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin tiba di sini Isnin untuk lawatan kerja dua hari ke Sabah.

Beliau tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu pada pukul 10.30 pagi dan disambut Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman, barisan kabinet negeri serta ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan.

Majlis pertama beliau di negeri ini ialah menghadiri perjumpaan dengan usahawan Sabah di Hotel Le Meridien di sini.

Pada sebelah petang, Muhyiddin dijadual mengadakan perjumpaan bersama Institut Pendidikan Guru (IPG) di Dewan Saadah Wisma Muis, Majlis Agama Islam Sabah (Muis).

Pada malam, beliau yang juga timbalan presiden Umno dijadual menghadiri majlis makan malam bersama anggota Badan Perhubungan Umno negeri di Bangunan Umno Negeri Sabah.

Pada Selasa, timbalan perdana menteri dijadual melancarkan majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Rakyat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Taman Kepayan Ridge sebelum menemui warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di UMS.

Muhyiddin dijangka berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas perjumpaan khas bersama mahasiswa itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=981582>